



PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

SWCorp LAKSANA PENDAKWAAN PERTAMA DI MELAKA: TIADA LAGI TOLERANSI KESALAHAN BUANG SAMPAH KECIL DI TEMPAT

AYER KEROH, 8 APRIL 2026 – Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menegaskan bahawa tiada lagi toleransi terhadap kesalahan pembuangan sampah kecil di tempat awam apabila tiga (3) pesalah warganegara tempatan telah didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka dan disabitkan kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Ketiga-tiga Orang Kena Saman (OKS) yang merupakan warganegara Malaysia telah didapati bersalah kerana membuang sampah kecil iaitu puntung rokok di tempat awam. Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 77A(1) Akta 672.

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman terhadap ketiga-tiga pesalah berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Pesalah pertama dikenakan denda sebanyak RM500.00 atau satu (1) bulan penjara sekiranya gagal membayar denda serta diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) selama dua belas (12) jam. Pesalah kedua pula dikenakan denda sebanyak RM700.00 atau satu (1) bulan penjara sekiranya gagal membayar denda serta diperintahkan menjalani PKM selama sepuluh (10) jam. Manakala pesalah ketiga dikenakan denda sebanyak RM500.00 atau satu (1) bulan penjara sekiranya gagal membayar denda serta diperintahkan menjalani PKM selama dua belas (12) jam. Kesemua pesalah dikehendaki melaksanakan PKM dalam tempoh enam (6) bulan.

Sehingga 7 April 2026, SWCorp Negeri Melaka telah mengeluarkan sebanyak 198 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) melibatkan 149 warganegara tempatan dan 49 warganegara asing. Daripada jumlah tersebut, seramai 20 individu telah mendapat tarikh untuk sebutan kes di mahkamah dengan 3 kes telah dijatuhkan hukuman, manakala selebihnya masih dalam proses perundangan.

Di peringkat nasional, SWCorp telah mengeluarkan sebanyak 2,154 NPK di tujuh (7) negeri yang melaksanakan Akta 672 melibatkan 1,655 warganegara tempatan dan 499 warganegara asing. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 pesalah kanak-kanak turut dikenal pasti dan telah menerima NPK, sekali gus menunjukkan bahawa isu pembuangan sampah kecil turut melibatkan golongan bawah umur serta memerlukan pendekatan pendidikan dan kesedaran yang lebih menyeluruh.

SWCorp turut mengenal pasti seramai 1,736 pesalah bagi kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam, dengan puntung rokok mencatat bilangan tertinggi. Data merekodkan peningkatan ketara sebanyak 26 kali ganda bagi kes pelanggaran pada minggu pertama April 2026 berbanding tempoh sama pada Mac 2026, susulan peluasan kawasan operasi serta pelaksanaan strategi yang lebih agresif dalam pemantauan dan penguatkuasaan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, YBrs. Tuan Khalid bin Mohamed, sebarang alasan berhubung “kesalahan kecil” tidak lagi boleh diterima. Tindakan membuang sampah walaupun berskala kecil seperti puntung rokok merupakan satu kesalahan serius yang mencemarkan persekitaran, menjejaskan imej negara dan memberi kesan kepada kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, SWCorp akan terus mempergiat operasi penguatkuasaan secara menyeluruh dan berskala besar di seluruh negara, termasuk tindakan pendakwaan terhadap pesalah yang ingkar. Pendekatan ini bertujuan memastikan pematuhan undang-undang serta memupuk rasa bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat.

Dalam masa yang sama, pelaksanaan PKM dilihat sebagai pendekatan pemulihan yang memberi impak langsung kepada pesalah melalui penglibatan dalam kerja-kerja pembersihan awam. Kegagalan mematuhi perintah mahkamah akan menyebabkan tindakan lebih tegas diambil tanpa kompromi.

Sebagai kesinambungan usaha ini, SWCorp telah melaksanakan PKM secara berperingkat bermula dengan Siri Pertama pada 13 Februari 2026 di lima (5) negeri, diikuti Siri Kedua pada 12 Mac 2026 di sekitar Jalan Pudu, Kuala Lumpur dan Siri Ketiga secara serentak pada 28 Mac 2026 melibatkan enam (6) negeri. Inisiatif ini diteruskan bagi pelaksanaan Siri Keempat pada 29 Mac 2026 di Dataran Sena,

Kangar dan Siri Kelima pada 30 Mac 2026 dua (2) negeri. Sejar dengan usaha memperluaskan lagi jangkauan PKM, SWCorp telah menjadualkan pelaksanaan Siri Keenam pada 15 April 2026 di Sri Petaling, Kuala Lumpur, diikuti Siri Ketujuh pada 30 April 2026 yang akan dilaksanakan secara serentak melibatkan tujuh (7) negeri.

Sehingga kini, seramai 61 pesalah telah selesai menjalani PKM, manakala 81 masih dalam proses melengkapkan tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah.

Orang ramai diingatkan agar sentiasa mematuhi peruntukan di bawah Akta 672 dan tidak memandang ringan isu kebersihan. Sebarang pelanggaran boleh dikenakan tindakan undang-undang. Aduan berkaitan boleh disalurkan melalui talian WhatsApp 013-210 7472 atau Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) untuk tindakan lanjut.

.....
TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 8 April 2026

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Sumatra a/p Appavoo

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

e-mel: sumatra@swcorp.my